



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JUNE 2016

Perdana Menteri rasmi Surau At-Taqwa

Um-18/6/2016

KUALA LUMPUR 17 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan Surau At-Taqwa yang baru siap dinaik taraf dengan kos RM4.5 juta di Taman Setapak di sini.

Perdana Menteri yang tiba kira-kira pukul 1 petang turut menunaikan solat Jumaat sebelum merasmikan surau yang mampu menampung hampir 1,500 jemaah itu.

Solat Jumaat yang dipimpin oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom itu turut disertai oleh Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, Datuk Mohd. Shafei Abdullah.

Sebaik sahaja menyempur-

nakan perasmian surau berkenaan, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada sebahagian daripada 500 golongan asnaf yang menerima sumbangan itu.

Sementara itu, Mohd. Shafei memberitahu, Jabatan Agama Islam Wilayah (Jawi) memperuntukkan sebanyak RM800,000 manakala kerajaan menanggung RM3.7 juta kos menaik taraf surau berkenaan.

"Projek menaik taraf ini memakan masa hampir tiga tahun dan baharu selesai dua bulan lalu. Kami sebagai penduduk amat bersyukur dengan surau yang lengkap dengan pelbagai kemudahan ini," katanya.



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan jemaah selepas merasmikan dan menunaikan solat Jumaat di Surau At-Taqwa, Taman Setapak, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ